



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)

Department Of National Unity And Integration

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

ARAS 7-10, BLOK E, KOMPLEKS E

LEVEL 7-10, BLOCK E, COMPLEX E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATION CENTRE

62502 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : 03-88837000

Faks : 03-8888 8584

Laman Web : www.jpnin.gov.my

Ruj. Kami : JPN.01/09/01 (7)
Tarikh : 21 Oktober 2023

Semua
Pengarah Perpaduan Negeri
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Tuan/Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JPNIN BIL.7/2023: GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman, Ibu Pejabat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mengeluarkan **Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.7/2023: Garis Panduan Pelaksanaan Program Sambutan Hari Kanak-Kanak** bertujuan sebagai panduan dan rujukan pelaksanaan Sambutan Hari Kanak-Kanak. Garis Panduan ini terpakai kepada semua Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan di seluruh negara.
3. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab tuan/puan untuk memenangkan perkara ini kepada semua Guru / Penolong Guru Tabika Perpaduan dan Pendidik / Pembantu Pendidik Taska Genius Perpaduan di bawah seliaan tuan/puan. Bersama-sama ini disertakan Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.7/2023: Garis Panduan Pelaksanaan Program Sambutan Hari Kanak-Kanak untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.
4. Ibu Pejabat JPNIN juga ingin menarik perhatian tuan/puan agar memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya serta memantau pelaksanaan program Sambutan Hari Kanak-Kanak oleh semua kelas Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan di seluruh negara.

5. Sebarang pertanyaan mengenai Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JPNIN Bil.7/2023: Garis Panduan Pelaksanaan Program Sambutan Hari Kanak-Kanak boleh dimajukan kepada Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional, Ibu Pejabat JPNIN.

Perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD)
Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JPNIN BIL. 7/2023: GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan Garis Panduan Pelaksanaan Program Sambutan Hari Kanak-Kanak ini dirangka adalah bagi memberikan panduan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri untuk melaksanakan program ini di peringkat Tabika Perpaduan (TP) dan Taska Genius Perpaduan (TGP).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sejak 14 Disember 1954 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan UNESCO mula mengisytiharkan pada 20 November sebagai Hari Kanak-Kanak Sedunia. Di Malaysia telah mula disambut pada 08 Oktober 1959 bertempat di Stadium Negara Kuala Lumpur iaitu sebaik sahaja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkannya sebagai hari untuk persaudaraan sejagat dan kefahaman dikalangan kanak-kanak seluruh dunia. Malaysia adalah diantara 150 buah negara yang menyambut Hari Kanak-Kanak Sedunia pada bulan Oktober setiap tahun.
- 2.2 Sambutan Hari Kanak-Kanak ini adalah untuk memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada kanak-kanak dan mencetuskan kesedaran kepada kita semua bahawa masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk menentukan perlindungan, kebijakan, kesejahteraan serta hak-hak kanak-kanak sentiasa terpelihara.
- 2.3 Sehubungan itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional akan melaksanakan sambutan Hari Kanak-Kanak ini di peringkat TP dan TGP di seluruh negara.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Garis panduan pelaksanaan program Sambutan Hari Kanak-Kanak ini adalah terpakai kepada semua TP dan TGP di seluruh negara.
- 3.2 Untuk makluman, program Sambutan Hari Kanak-Kanak akan dilaksanakan secara serentak di semua TP dan TGP pada bulan Oktober setiap tahun. Pelaksanaan program Sambutan Hari Kanak-kanak boleh dilaksanakan sama ada di peringkat TP dan TGP atau di peringkat daerah mengikut kreativiti negeri masing-masing.
- 3.3 Program Sambutan Hari Kanak-Kanak ini disasarkan kepada Guru /Penolong Tabika Perpaduan, Pendidik/Pembantu Pendidik Taska Genius Perpaduan, murid-murid TP dan kanak-kanak TGP di seluruh negara.
- 3.4 Antara pengisian di dalam Sambutan Hari Kanak-kanak yang boleh dilaksanakan di TP dan TGP adalah seperti berikut:

3.4.1 Aktiviti Wajib:

- a) Memakai Pakaian Tradisional pelbagai kaum setiap hari Rabu pada bulan Oktober
- b) Anugerah Wira dan Wirawati (Tokoh Kanak-kanak)
Kriteria pemilihan Anugerah Wira/Wirawati seperti di **(Lampiran A)**.

3.4.2 Pilihan Aktiviti Semasa Pelaksanaan Program: Pilih sekurang-kurangnya 2 aktiviti

- a) Pertandingan Kuiz Perpaduan
- b) Persembahan kebudayaan
- c) Pertunjukan bakat murid-murid TP /kanak-kanak TGP

- 3.5 Semua TP dan TGP dikehendaki menyediakan laporan pelaksanaan program seperti di **(Lampiran B)** dalam tempoh **14 hari** setelah selesai pelaksanaan program.
- 3.6 Peruntukan kewangan pelaksanaan program Sambutan Hari Kanak-Kanak ini adalah menggunakan peruntukan sedia ada di TP dan TGP. Kelulusan perolehan bagi pelaksanaan program ini adalah berdasarkan Buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan.

4.0 PEMAKAIAN

- 4.1 Garis panduan ini terpakai kepada semua semua TP dan TGP di seluruh negara. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan sehingga arahan baru berhubung garis panduan ini dikeluarkan.

5.0 RUMUSAN

Diharapkan dengan adanya Garis Panduan ini, pelaksanaan program Sambutan Hari Kanak-Kanak ini dapat dilaksanakan dengan lebih teratur di peringkat TP dan TGP. Sehubungan itu, tuan/ puan adalah diminta untuk memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya serta memantau pelaksanaan program Sambutan Hari Kanak-Kanak oleh semua kelas Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan di seluruh negara.

6.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Aras 8, Blok E2, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
No. Tel: 03-888 37128

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD)

Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Lampiran A



**KRITERIA PEMILIHAN ANUGERAH TOKOH WIRA
DAN WIRAWATI 2023**

**SEMPENA
SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK**

KRITERIA PEMILIHAN ANUGERAH TOKOH WIRA DAN WIRAWATI 2023

SEMPENA SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK

BIL.	KRITERIA	SKOR MARKAH
1.	KELAKUAN <ul style="list-style-type: none"> a) Amanah / bertanggungjawab b) Suka menolong guru c) Suka menolong rakan d) Bersopan santun dan menghormati terhadap guru dan orang tua e) Mempunyai ciri-ciri kepimpinan 	25
2.	KETRAMPILAN DIRI <ul style="list-style-type: none"> a) Pakaian sentiasa bersih dan kemas b) Kuku dan rambut sentiasa pendek dan bersih / bertudung rapi c) Gigi sentiasa putih dan bersih d) Kasut sentiasa bersih e) Pakaian mengikut peraturan sekolah 	25
3.	INTERAKSI <ul style="list-style-type: none"> a) Berinteraksi dengan baik sesama rakan sekelas b) Bertolak ansur c) Memberikan kerjasama yang baik d) Empati / simpati terhadap rakan sebaya / guru e) Bertindak positif dalam situasi tertentu 	25
4.	PROAKTIF DALAM PENDIDIKAN DAN AKTIVITI <ul style="list-style-type: none"> a) Proaktif dalam sesi pembelajaran b) Aktif mengemukakan soalan c) Aktif menjawab soalan dalam sesi pembelajaran d) Aktif dalam aktiviti mewakili peringkat kelas/daerah e) Aktif dalam aktiviti mewakili peringkat negeri/kebangsaan 	25
JUMLAH KESELURUHAN		100

Lampiran B**LAPORAN AKTIVITI PERPADUAN**

Nama Aktiviti :

Tarikh Pelaksanaan : Masa :

Tempat :

Kawasan Rukun Tetangga Luar Kawasan Rukun Tetangga

Bidang Aktiviti :	Sukan <input type="checkbox"/>	Pendidikan <input type="checkbox"/>	Rekreasi <input type="checkbox"/>	Sosial <input type="checkbox"/>
	Keselamatan <input type="checkbox"/>	Kesihatan <input type="checkbox"/>	Kebajikan <input type="checkbox"/>	Ekonomi <input type="checkbox"/>
	Kebudayaan <input type="checkbox"/>	Agama <input type="checkbox"/>		

Kategori Aktiviti : Penggalakan Pemulihan Pencelahan Pencegahan Kluster Program : Semarak Kenegaraan Semarak Perpaduan
Komuniti Rahmah Anjuran : KRT :

*Sila tandakan cawangan yang menganjurkan (jika berkaitan)

<input type="checkbox"/>	Skim Rondaan Sukarela (SRS)	<input type="checkbox"/>	Jiran Wanita
<input type="checkbox"/>	Jiran Usia Emas	<input type="checkbox"/>	Jiran Muda
<input type="checkbox"/>	Tunas Jiran		

 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Agensi Kerajaan : Majlis Perpaduan Integrasi Selangor Swasta / Korporat / GLC : Badan Bukan Kerajaan / Sukarela : Lain-lain (Sila Nyatakan) :

Perbelanjaan

: RM

*Sila tandakan sumber kewangan

Jabatan

Pihak Luar

Kumpulan Sasar

Perasmi

:

Bilangan
Penyertaan

:

KOMPOSISI KAUM	JANTINA		JUMLAH
	LELAKI	PEREMPUAN	
Melayu			
Cina			
India			
Bumiputera Sabah			
Bumiputera Sarawak			
Lain-lain (Sila Nyatakan)			
JUMLAH			

Ringkasan Penilaian Aktiviti Perpaduan (Berdasarkan Kaedah Penilaian):

Kekuatan / Kelemahan Aktiviti:

Impak / Keberkesanan Aktiviti :

Cadangan Penambahbaikan:

Disediakan oleh :

.....
(Tandatangan)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Nota : Sila sertakan sekurang-kurangnya 5 keping gambar (gambar backdrop, gambar perasmian, gambar jemputan/peserta, gambar berunsur perpaduan, gambar aktiviti), buku program/aturcara program dan salinan keratan akhbar (jika ada), senarai kehadiran peserta (jika ada) dan perincian perbelanjaan.

*Borang ini perlu dimelkan kepada norhaslinda@perpaduan.gov.my dalam tempoh 2 minggu selepas pelaksanaan program